

Kajian Tempat Meletak Kenderaan Di Politeknik Muadzam Shah (PMS)

Othman Yaccob

Politeknik Muadzam Shah, Muadzam Shah
othman@pms.edu.my

Ani Liza Abd Rahman

Politeknik Muadzam Shah, Muadzam Shah
ani_liza@pms.edu.my

Siti Hadijah Norsani

Politeknik Muadzam Shah, Muadzam Shah
hadijah@pms.edu.my

Abstrak

Pertambahan staf di Politeknik Muadzam Shah (PMS) telah menyebabkan berlakunya peningkatan penggunaan kenderaan bermotor. Hal ini seterusnya mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap kemudahan tempat meletak kenderaan. Melalui pemerhatian, terdapat banyak kenderaan yang diletakkan merata-rata sehingga menyebabkan gangguan lalu lintas dan bahaya kepada warga PMS sedangkan masih terdapat ruang kosong di tempat letak kenderaan yang telah disediakan. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesedaran staf berkenaan kecukupan kawasan letak kenderaan di jabatan dan unit serta punca-punca yang mendorong staf meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak diwartakan. Kajian ini melibatkan seramai 296 orang staf PMS yang terdiri daripada semua jabatan dan unit. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah borang soal selidik dan juga pemerhatian dan tinjauan yang dibentuk menggunakan *Google Form* seterusnya borang soal selidik telah diedar menggunakan Aplikasi *WhatsApp*. Daripada hasil kajian, 57% responden menyatakan parkir di jabatan/unit mereka adalah tidak mencukupi manakala 37.2% menyatakan ruang parkir di jabatan/unit mereka mencukupi. Selebihnya 5.8% responden tidak pasti dengan kecukupan ruang parkir di jabatan/unit mereka. Kesimpulannya, didapati masalah tempat meletak kenderaan yang berlaku di PMS bukan hanya disebabkan oleh kekurangan jumlah tempat letak kenderaan, tetapi juga dipengaruhi oleh sikap pemilik kenderaan, keinginan kepada parkir berbumbung, jarak kedudukan parkir dengan tempat kerja dan penguatkuasaan.

Kata kunci: *Tempat letak kenderaan, Lalu lintas*

1. Pendahuluan

Tempat letak kereta boleh didefinisikan sebagai ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kereta ataupun kenderaan-kenderaan lain (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung

Malaysia, 2005). Dalam erti kata lain tempat letak kereta bermaksud satu kawasan perletakan atau penyimpanan bagi kenderaan yang tidak bergerak dan dimatikan enjinnya di sesuatu kawasan. Ianya merupakan satu kemudahan kepada pemandu-pemandu meletak atau menyimpan kenderaan untuk menjalankan urusan masing-masing (Lim Wei-Wei, 2010). Kira-kira 95% daripada hayat kenderaan bermotor bukan dalam keadaan bergerak tetapi dalam keadaan “berhenti” (Mohd Noor Awang, 2003). Keadaan ini menyebabkan perlunya ruang untuk meletak kenderaan bagi mengelakkan kepada masalah lalu lintas. Maka, kemudahan tempat meletak kereta merupakan kunci utama dalam menyediakan sesuatu perancangan dan pengawalan lalu lintas dan merupakan satu asas dalam menyediakan dasar pengangkutan yang sempurna dalam sesuatu kawasan.

Jika dilihat daripada segi sejarah, kemudahan tempat meletak kereta telah diadakan sejak zaman pemerintahan Kaiser Juleus di Rom lagi dan beliau juga telah mengadakan undang-undang melarang kenderaan yang berlebihan daripada memasuki Bandaraya Rom pada masa yang tertentu yang boleh mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Ini bermakna tempat letak kereta bukanlah merupakan satu fenomena yang baru wujud masa kini. Ianya telah wujud sejak zaman dahulu lagi.

Pengguna kenderaan bermotor terus bertambah menjelang abad ke-20. Kepentingannya sebagai kemudahan pengangkutan serta kemajuan reka bentuk kenderaan itu sendiri telah menarik minat orang ramai untuk memiliki kenderaan sendiri (Bari’ah, 2011). Dengan bertambahnya bilangan kenderaan sudah pastinya permintaan terhadap kemudahan meletak kenderaan juga bertambah. Hal ini kian meruncing apabila jumlah tempat meletak kenderaan yang disediakan adalah terhad dan tidak mencukupi.

Tidak terkecuali Politeknik Muadzam Shah (PMS). Berdasarkan reten 2018, sehingga bulan Mei, PMS telah menerima seramai 296 orang staf yang terdiri daripada staf pengurusan, staf akademik dan staf bukan akademik. Jumlah ini telah bertambah sebanyak 2.7% peratus berbanding pada tahun 2017 dan memenuhi 85.06% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan. PMS juga menerima kehadiran pekerja kontrak yang terlibat dengan kerja-kerja pembersihan bangunan, pembersihan kawasan dan keselamatan di dalam kawasan PMS. Pertambahan staf dan pekerja kontrak ini telah mengakibatkan sistem lalu lintas juga akan meningkat dan dengan secara tidak langsung akan menyebabkan permintaan terhadap keperluan tempat meletak kereta juga bertambah. Jadual 1 berikut menunjukkan statistik terkini bilangan staf di PMS setakat 6 Mei 2018 berdasarkan reten bulanan PMS (PMS/01/03/12 Jld 8, 2018).

Jadual 1. Statistik Staf PMS

| BIL. | JAWATAN | STAF LELAKI | STAF WANITA | JUMLAH |
|-------------|--------------------|--------------------|--------------------|---------------|
| 1 | Jawatan Pengurusan | 16 | 11 | 27 |
| 2 | Jawatan Akademik | 75 | 113 | 188 |
| 3 | Jawatan Bukan | 46 | 35 | 81 |

| | | | | |
|---------------|----------|--|--|-----|
| | Akademik | | | |
| JUMLAH | | | | 296 |

(PMS/01/03/12 Jld 8, 2018)

Justeru itu, pihak pengurusan PMS menerusi objektif meningkatkan efisien tadbir urus dalam semua aspek, berusaha menjadikan PMS sebagai sebuah kampus lestari sesuai dengan plan perancangan strategik dengan matlamat baharu agar dapat mewujudkan warga sejagat yang harmoni. Salah satu aspek yang diambil serius adalah pengurusan keselamatan lalu lintas yang berkaitan dengan tempat meletak kenderaan. Kampus PMS ini telah disediakan dengan sejumlah tempat letak kenderaan bersesuaian dengan lokasi dan keadaan geografinya. Adalah menjadi amalan kepada semua warga PMS termasuk pekerja kontrak, dapat menggunakan kemudahan tempat meletak kenderaan ini dengan cara yang betul dan selamat.

Walaubagaimanapun, didapati sebilangan staf dan pekerja kontrak yang kurang berminat untuk meletakkan kenderaan di kawasan yang disediakan. Bila situasi ini terjadi, maka terdapatlah beberapa isu seperti terjadinya halangan kepada lalu lintas, terjadinya kesesakan di waktu mula masuk kerja/keluar waktu pejabat, terjadinya halangan kepada bilik kuliah/bengkel/makmal, pemandangan kenderaan yang bersepeh dan tidak terurus serta menimbulkan keadaan yang kurang selamat serta tidak mengikut akta pekerjaan dan keselamatan pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, satu kajian berkaitan tempat letak kenderaan di PMS dilakukan, bagi mencari apakah puncanya kejadian dan permasalahan yang berlaku agar boleh diambil jalan penyelesaian oleh pihak pengurusan PMS supaya keselamatan lalu lintas ini dapat dibudayakan, disamping kelestarian, kampus yang selamat, kondusif dan sihat dapat dibangunkan dan dipertahankan. Selain dapat memenuhi aspek perundangan.

2. Pernyataan masalah

Pada tahun 2018, PMS telah menerima pertambahan staf yang agak memberangsangkan. Namun pertambahan itu tidak menimbulkan masalah kekurangan tempat letak kenderaan kepada warga PMS. Hal ini kerana, mengikut kepada pemerhatian yang telah dilakukan ketika waktu puncak iaitu pada hari bekerja di mana semua staf dikatakan berada di dalam kawasan PMS, terdapat banyak kawasan letak kenderaan yang masih tidak digunakan. Terdapat segelintir pemilik kenderaan yang enggan menggunakan kemudahan yang disediakan malah mereka memilih untuk meletakkan kenderaan mereka selain daripada di tempat letak kenderaan yang disediakan. Banyak persoalan yang berlegar apabila perkara ini berlaku. Adakah ia melibatkan faktor kesedaran atau sikap staf PMS itu sendiri?

Isu dan permasalahan lain yang melibatkan tempat letak kenderaan di PMS termasuklah kenderaan diletakkan di koridor dan di dalam bangunan. Gambar 2.1 menunjukkan sebuah kenderaan diletakkan di hadapan pintu utama Dewan Besar PMS manakala Gambar 2.2, 2.3 dan 2.4 menunjukkan

kenderaan diletakkan di kaki lima bangunan. Perkara ini amat membimbangkan kerana jika berlaku kebakaran bangunan, akibatnya akan menjadi lebih teruk berpunca bahan bakar yang ada di dalam kenderaan-kenderaan ini. Selain itu, terdapat juga pemilik kenderaan yang gemar meletakkan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan dan di atas jalan yang tiada kemudahan tempat letak kereta dan meninggalkan hanya satu laluan jalan sahaja yang boleh dilalui oleh kenderaan lain. Hal ini telah mengakibatkan halangan lalu lintas kepada kenderaan lain.


Selain itu, ada juga kenderaan diletakkan di tempat larangan seperti di tempat letak kenderaan khas orang kurang upaya (OKU) dan di kawasan parkir bas seperti dalam Gambar 2.5. Terdapat juga kakitangan meletakkan kenderaan mereka di luar petak, di dalam petak kuning atau di atas garisan kuning. Perkara-perkara ini jelas menunjukkan pemilik-pemilik kenderaan ini termaktub dengan kesalahan jalanraya di bawah Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Jabatan Pengangkutan Jalan, 2006) dan Akta Majlis Lesen Kenderaan Bermotor 1987 (Jabatan Pengangkutan Jalan, 2006).



Gambar 2.1. Kenderaan diletakkan di hadapan Dewan Besar PMS.



Gambar 2.2. Kenderaan diletakkan di kaki lima bangunan.



Gambar 2.3. Kenderaan diletakkan di kaki lima bangunan.



Gambar 2.4. Motosikal diletakkan di kaki lima atau bawah bangunan.



Gambar 2.5. Sebuah kereta diletakkan di ruang parkir bas.

Sikap segelintir pemilik kenderaan yang tidak peka dengan persekitaran juga menimbulkan masalah kepada ruang tempat letak kenderaan di PMS. Gambar 2.6 menunjukkan sebuah kenderaan yang rosak atau usang dibiarkan lama di tempat letak kenderaan yang sepatutnya digunakannya oleh pemilik kenderaan yang lain. Gambar 2.7 dan 2.8 pula menunjukkan ruang parkir diletakkan dengan bahan-bahan binaan. Ini bukan sahaja mencemarkan pemandangan malah menyebabkan ruang tempat letak kenderaan yang boleh digunakan semakin terhad.



Gambar 2.6. Kenderaan yang rosak atau usang dibiarkan lama di tempat letak kenderaan



Gambar 2.7. Kawasan tempat letak kenderaan yang diletakkan dengan barang-barang binaan.



Gambar 2.8. Kawasan letak kenderaan yang diletakkan dengan barang-barang binaan.

3. Objektif kajian

Terdapat tiga objektif utama kajian ini dibuat iaitu yang pertama adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran staf berkenaan kecukupan kawasan letak kenderaan di jabatan dan unit. Kedua adalah untuk mengenalpasti puna-punca yang mendorong staf meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak diwartakan. Seterusnya, yang ketiga adalah untuk mendapatkan maklumbalas atau cadangan yang boleh dimajukan kepada pihak pengurusan bagi mencari jalan penyelesaian supaya keselamatan lalu lintas

ini dapat dibudayakan, disamping kelestarian kampus yang selamat, kondusif dan sihat dapat dibangunkan dan dipertahankan.

4. Metodologi kajian

Kajian ini melibatkan populasi sebanyak 296 orang staf PMS yang terdiri daripada mereka yang berada di bidang pengurusan, bidang akademik dan juga bidang bukan akademik. Manakala teknik persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan rawak mudah di mana semua staf daripada ketiga-tiga bidang mempunyai kecenderungan yang sama untuk dijadikan responden. Kajian ini juga telah menggunakan beberapa instrumen untuk mengumpul data, antaranya ialah melalui soal selidik dan pemerhatian. Soal selidik yang dibina terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A yang merujuk kepada maklumat latar belakang responden dan Bahagian B iaitu maklumat yang berkait rapat dengan isu berkaitan tempat letak kenderaan. Soalan soal selidik dibentuk menggunakan *Google Form* dan diedar melalui aplikasi *WhatsApp* kepada semua responden. Kajian ini juga melibatkan kajian pemerhatian di mana pengkaji terlibat secara langsung dalam situasi yang diperhatikan. Kaedah pemerhatian dan tinjauan tidak berstruktur digunakan dengan mencatat segala maklumat yang diperhatikan. Selain itu, kaedah pemerhatian juga dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi dapatan yang diperoleh daripada kaedah-kaedah yang lain. Teknik pengumpulan data juga akan dijana melalui *Google Form* dan tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji.

5. Dapatan kajian

Dapatan kajian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil kajian berdasarkan pemerhatian dan tinjauan dan hasil kajian berdasarkan borang soal selidik. Dapatan kajian ini dihasilkan dalam bentuk jadual, carta pai dan carta bar.

5.1 Kajian berkaitan isu tempat letak kenderaan staf di Politeknik Muadzam Shah berdasarkan pemerhatian dan tinjauan (jadual).

Jadual 5.1 menunjukkan kawasan meletak kenderaan yang telah diwartakan di sekitar PMS.

Jadual 5.1 : Kawasan Meletak Kenderaan Yang Diwartakan di PMS

| ZON | BIL. STAF | JAB/UNIT | BIL. STAF MENGIKUT JAB/UNIT | TEMPAT LETAK KENDERAAN SEDIA ADA | NAMA LOKASI DAN BIL. TEMPAT LETAK KENDERAAN | | CATATAN |
|-----|-----------|-------------|-----------------------------|----------------------------------|---|----|---------|
| A | 37 | Pentadbiran | 11 | 105 (Termasuk parking OKU) | Bebum-bung | 10 | +68 |
| | | UICT | 7 | | | | |
| | | Kewangan | 7 | | Sebelah dewan berhampiran | 72 | |
| | | HEP | 5 | | | | |

| | | | | | | | | |
|---|----|--------------|------|-------------------------------------|----------------------------------|-----------------------|-------------------------------|----|
| | | UPPsi | 2 | | jalan utama | | | |
| | | UPA | 3 | | Sebelah dewan berhampiran cafe | 20 | | |
| | | UIDM | 2 | | | | | |
| | | KOPERASI | 3 | | Bulatan HEP | 3 | | |
| B | 65 | JP | 36 | 32 | Bahagian Hadapan (sebelah guard) | 10 | -33 | |
| | | JPA | 23 | | | | | |
| | | Peperiksaan | 3 | | | | | |
| | | UPLI | 3 | | | Bahagian Belakang JPA | | 22 |
| C | 66 | JKM | 55 | 118 | Di sekitar JKM | 118 | +63 | |
| | | UPP | 7 | 14 (termasuk parking OKU) | Hadapan UPP dan Belakang Stor | 14 | +3 | |
| | | UPAS | 4 | | | | | |
| D | 26 | JKRV | 26 | 76 (termasuk parking motosikal 26) | Bahagian belakang JRKV | | +24 (tidak mengira motosikal) | |
| E | 41 | JTMK | 41 | 26 | Bahagian belakang JTMK | | +15 | |
| F | 21 | JMSK | 15 | 19 | Belakang DKU dan Perpustakaan | | +2 | |
| | | Perpustakaan | 6 | | | | | |
| G | 23 | JPH | 16 | 19 | Hadapan JPH, ULPL dan Kolam | | -4 | |
| | | ULPL | 4 | | | | | |
| | | Kolam | 3 | | | | | |
| H | 32 | KAMSIS STAF | 6 | 145 (termasuk parking motosikal 69) | Asrama | | +44 (tidak mengira motosikal) | |
| | | WARDEN | 26 | | | | | |
| J | 2 | USKK | 2 | 90 | Hadapan dan sebelah kanan USKK | | +88 | |
| | | | 316* | 549 | JUMLAH LEBIHAN | | +270 | |

***Jumlah ini termasuk pekerja koperasi dan felo.**

(Laporan Kajian Parking kenderaan di PMS, 2018)

Berdasarkan pemerhatian dan tinjauan, kajian ini dapat merumuskan jumlah keseluruhan staf yang ada di setiap jabatan, unit dan KAMSIS,


bilangan tempat letak kenderaan yang diwartakan di PMS beserta lokasinya dan jumlah lebihan tempat letak kenderaan yang masih ada. Didapati bahawa terdapat sebanyak 549 unit tempat letak kenderaan telah diwartakan untuk kemudahan letak kenderaan staf berbanding hanya 316 orang staf sahaja yang berada di dalam PMS ketika waktu bekerja. Jumlah ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 270 unit lebihan tempat letak kenderaan berdasarkan jumlah yang sedia ada. Namun terdapat beberapa zon yang mengalami lebihan permintaan terhadap jumlah tempat letak kenderaan. Zon-zon yang terlibat ialah Zon B (JP, JPA, Peperiksaan dan UPLI), kekurangan sebanyak 33 unit tempat letak kenderaan dan Zon G (JPH, ULPL dan Kolam) yang mengalami kekurangan sebanyak 4 tempat letak kenderaan.

5.2 Kajian berkaitan isu tempat letak kenderaan staf di Politeknik Muadzam Shah berdasarkan soal selidik (carta pai dan carta bar)

Satu kajian telah dilakukan oleh Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Lalu lintas PMS melalui borang soal selidik yang diedar. Terdapat lima analisis kajian yang telah dihasilkan. Antaranya ialah maklumat yang berkaitan dengan Latar Belakang Responden, Pengetahuan Kecukupan Kawasan letak kenderaan, Kecukupan Kawasan letak kenderaan Di Jabatan/Unit, Kecenderungan Staf Meletakkan Kenderaan Di Tepi Bangunan/Di Atas Jalan Yang Tidak Diwartakan dan Motosikal/Basikal Diletakkan Di Dalam Bangunan.

5.2.1 Maklumat berkaitan latar belakang responden.


Rajah 5.1 menunjukkan hasil analisis berkaitan dengan maklumat demografik iaitu jantina responden. Rumusan kajian mendapati 72.7% responden yang telah memberi maklumbalas/pandangan berkaitan isu tempat letak kenderaan terdiri daripada staf wanita manakala 27.3% responden lagi adalah staf lelaki. Data ini memberi gambaran bahawa staf wanita sangat mengambilkira isu berkaitan tempat letak kenderaan.



Rajah 5.1. Jantina Responden

5.2.2 Maklumat berkaitan pengetahuan kecukupan kawasan letak kenderaan.

Keputusan analisis pada Rajah 5.2 merujuk kepada soalan yang berkaitan dengan pengetahuan staf berkaitan kecukupan kawasan letak kenderaan. Daripada keseluruhan responden, seramai 37.2% responden menyatakan tempat letak kenderaan di setiap Jabatan/Unit adalah mencukupi, 57% pula menyatakan tempat letak kenderaan tidak mencukupi manakala 5.8% tidak pasti. Data ini merujuk kepada pandangan responden berdasarkan ruang letak kenderaan di Jabatan/Unit masing-masing.



Rajah 5.2. Pengetahuan staf berkaitan kecukupan kawasan letak kenderaan.

5.2.3 Maklumat berkaitan kecukupan kawasan letak kenderaan di jabatan/unit.

Berkaitan persoalan *adakah parkir kenderaan di setiap Jabatan/Unit mencukupi?* Hasil kajian mendapati 86 responden telah memberi maklumbalas/pandangan berkaitan perkara tersebut. Daripada keseluruhan responden, 32 responden menyatakan parkir kenderaan di setiap Jabatan/Unit mencukupi, manakala 49 responden menyatakan parkir tidak mencukupi dan 5 responden menyatakan tidak pasti. Bilangan ini adalah merujuk kepada data dalam Rajah 5.2.

5.2.4 Maklumat berkaitan kecenderungan staf meletakkan kenderaan di tepi bangunan/di atas jalan yang tidak diwartakan.

Berdasarkan soalan kajian *mengapa terdapat kecenderungan staff meletakkan kenderaan di tepi bangunan/di atas jalan yang tidak diwartakan sebagai petak parkir?* Jadual 5.2. menunjukkan dapatan maklumbalas daripada responden berkaitan dengan isu yang diutarakan. Rumusan daripada kajian mendapati kecenderungan utama staf meletakkan kenderaan di tepi bangunan atau di atas jalan yang tidak diwartakan sebagai petak parkir adalah kerana pemilik kenderaan mahukan ruang

parkir berbumbung. Ini berdasarkan kepada 53 orang responden yang mewakili 61.6% memberikan sebab ini dalam maklumbalas mereka. Antara punca lain adalah ruang parkir yang diwartakan terletak jauh daripada pejabat. 30 orang responden (34.9%) menyatakan jarak parkir yang jauh menjadi punca mereka meletakkan kenderaan di tepi bangunan atau di atas jalan yang tidak diwartakan sebagai petak parkir bagi memudahkan urusan kerja mereka. Responden juga memerlukan susur gajah berbumbung untuk menghubungkan tempat letak kenderaan ke jabatan/unit. Faktor seterusnya yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan budaya dan sikap staf. Maklumbalas daripada 15 orang responden (17.44%) adalah berkaitan dengan sikap di mana mereka menyatakan kenderaan diletakkan di tepi bangunan atau di atas jalan untuk tempoh yang singkat bagi melaksanakan tugas di tempat berhampiran. Oleh itu, mereka merasakan tiada keperluan meletakkan kenderaan di ruang parkir yang telah disediakan.

Jadual 5.2. Maklumbalas berkaitan kecenderungan staff meletakkan kenderaan di tepi bangunan/di atas jalan yang tidak diwartakan sebagai petak parkir.

| Item | Bilangan Responden |
|---|---------------------------|
| Mahukan parkir berbumbung | 53 |
| Parkir yang diwartakan terletak jauh daripada pejabat | 30 |
| Budaya dan sikap staf | 15 |

5.2.5 Maklumat berkaitan motorsikal/basikal diletakkan di dalam bangunan.

Persoalan *mengapa terdapat motosikal/basikal diletakkan di dalam bangunan, adakah tidak disediakan lot parkir untuk kenderaan jenis ini?* Daripada keseluruhan responden yang telah memberi maklumbalas seperti dalam Jadual 5.3, 39.5% responden bersetuju terdapat parkir motorsikal/basikal disediakan tetapi agak jauh dengan bangunan tempat kerja. Faktor ini mendorong mereka meletakkan motorsikal/basikal di dalam bangunan. 27.9% responden pula mahukan parkir motorsikal berbumbung. Manakala selebihnya 32.6% responden merasakan tiada masalah yang timbul jika mereka meletakkan motorsikal di dalam bangunan kerana ia tidak mengganggu lalu lintas. Ini jelas menunjukkan sikap dan budaya staf yang masih kurang kesedaran berkaitan isu keselamatan dan perundangan yang perlu di ambil perhatian.

Jadual 5.3. Maklumbalas berkaitan persoalan punca motorsikal/basikal diletakkan di dalam bangunan.

| Item | Bilangan Responden |
|---|---------------------------|
| Ada parkir disediakan tetapi agak jauh dengan bangunan tempat bekerja | 34 |

| | |
|--|----|
| Mahu parkir motosikal berbumbung | 24 |
| Tiada masalah bagi motosikal parkir di bangunan kerana ia tidak mengganggu lalu lintas | 28 |

6. Cadangan

Beberapa cadangan dikemukakan sebagai pertimbangan pihak pengurusan PMS bagi menangani isu parkir kenderaan ini. Antaranya:

- i. Mendidik melalui penyampaian secara terus kepada staf menerusi mesyuarat pengurusan AMP, mesyuarat jabatan/unit, perhimpunan bulanan, mesyuarat bersama jabatan, laman web PMS, poster, media elektronik, email dan sebagainya berkaitan dengan budaya parkir kenderaan di kawasan yang betul dan selamat.
- ii. Mengeluarkan surat/memo mengarahkan staf meletakkan kenderaan di kawasan yang telah digazetkan.
- iii. Memberi tempoh yang bersesuaian bagi staf mengikuti arahan yang dikeluarkan.
- iv. Ditentukan kawasan parkir bagi kawasan yang kritikal seperti di kawasan rumah felo, di jabatan/unit yang berada di pusat tumpuan dan sebagainya.
- v. Menghadkan kawasan parkir kepada bilangan kenderaan tertentu bagi kawasan kritikal bagi mengelakkan perebutan/perselisihan di antara penghuni kuarters felo.
- vi. Menguatkuasakan peraturan seperti mana arahan yang telah dikeluarkan seperti arahan kepada kereta sewa dan sebagainya.
- vii. Mengeluarkan arahan baharu berkaitan peraturan parkir kepada semua staf.

7. Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa kawasan meletak kenderaan di PMS secara keseluruhannya adalah mencukupi. Namun sikap staf yang menginginkan tempat parkir yang berdekatan dengan pejabat atau jabatan telah menjadikan jumlah parkir yang diwartakan tidak mencukupi. Hal ini berpunca daripada ketidakseimbangan pembahagian tempat parkir yang diwartakan mengikut bilangan staf di unit dan jabatan. Ketidakseimbangan pembahagian tempat parkir ini dibuat berdasarkan oleh rekabentuk bangunan PMS dan ini telah menyebabkan staf di satu-satu unit atau jabatan tiada tempat parkir untuk kenderaan mereka kenderaan. Selain itu, staf PMS memerlukan kawasan letak kenderaan yang berbumbung dan hal ini mungkin boleh diswastakan melalui pembinaan garaj berbumbung yang diuruskan oleh koperasi PMS. Isu berkaitan pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan secara statik dan sudah terlalu lama adalah berpunca daripada kerosakan enjin dan masalah-masalah lain. Akhir sekali, isu tempat letak kenderaan ini juga dikatakan berpunca daripada sisa bahan binaan atau halangan lain seperti batu, kayu, sisa kerusi/meja dan sebagainya yang menghalang lot parkir.

RUJUKAN

- Bari'ah Jamaludin (2011). *Kajian Lalu Lintas*. Retrieved from <https://www.scribd.com/document/70330677/kajian-lalu-lintas> (June 4, 2018).
- Jabatan Pengangkutan Jalan. (2006). *Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987*. Retrieved from <http://www.mot.gov.my/SiteCollectionDocuments/Darat/akta/Akta%20Pengangkutan%20Jalan%201987.pdf> (June 4, 2018).
- Jabatan Pengangkutan Jalan. (2006). *Akta Pengangkutan Jalan 1987 Dan Akta Majlis Lesen Kenderaan Bermotor 1987*: Retrieved from <http://jppjweb.tripod.com/malay/kuatkuasa04.html> (June 4, 2018).
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2005). *Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat letak Kereta*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kuala Lumpur.
- Lim Wei Wei. (2010). *Penyediaan dan Pengurusan Tempat Letak Kereta di Pusat Bandar Melaka*. Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noor Awang. (2003). *Analisis Penyediaan Tempat Letak Kereta mengikut jenis Gunatanah Bandar-bandar di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia, (Chapter 1).
- Pegawai Pengurusan Risiko. (2018). *Laporan Kajian Parking Kenderaan di PMS*. Politeknik Muadzam Shah.
- Retan Bulanan PMS. (2018). *PMS/01/03/12 Jld 8*. Politeknik Muadzam Shah.